

Ideologi Gerakan Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) di Malaysia

Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) Ideological Movement in Malaysia

SITI NAQIYAH MANSOR
SALASIAH HANIN HAMJAH
IZZAH NUR AIDA ZUR RAFFAR

ABSTRAK

Antara gerakan ekstrem yang menjadi ancaman kepada keselamatan negara Malaysia pada hari ini adalah kumpulan militan Islamic State of Iraq and Sham (ISIS). Perjuangan ISIS untuk menubuhkan sebuah negara Islam dengan menggunakan keganasan, penculikan, penderaan, rampasan kuasa, pembunuhan dan pengeboman dilihat bertentangan dengan ajaran agama Islam. Gerakan militan ISIS boleh mendatangkan bahaya kepada masyarakat Malaysia dengan membawa ancaman, kerosakan, dan bencana buruk kepada bumi Malaysia. Mereka merosakkan imej agama Islam dengan mempamerkan keganasan dan kekejaman yang menunjukkan agama Islam tidak bertamadun dan tidak berperikemanusiaan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji ideologi Gerakan Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) di Malaysia. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan antara ideologi yang disebarluaskan oleh ISIS dalam kalangan rakyat Malaysia merangkumi seruan jihad untuk menubuhkan Daulah Islamiyah, penyebaran ideologi palsu ISIS yang menyentuh sentimen simpati dan marah dengan nasib umat Islam Sunni yang ditindas oleh golongan Syiah, negara demokrasi dan berperlembagaan dianggap syirik dan wajib diperangi, pihak keselamatan negara dan kerajaan boleh dibunuh kerana dan harta benda boleh dirampas, menghalalkan darah umat Islam dan umat Islam wajib berhijrah ke Daulah Islamiyah Syria. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat Malaysia terhadap ancaman dan pengaruh bahaya ISIS ke arah membudung golongan ekstremisme di Malaysia bagi mencapai negara Malaysia yang aman dan sentosa. Masyarakat Malaysia dapat memahami bahawa ajaran agama Islam bukanlah dibawa dengan pendekatan kasar, keras dan zalim seperti yang dibawa oleh gerakan militan ISIS. Oleh itu melalui kajian yang dilakukan ini, masyarakat Malaysia dapat mengetahui perjuangan gerakan militan ISIS dengan sekurangnya mengetahui ideologi yang dibawa oleh mereka.

Kata kunci: ISIS; ekstrem; jihad; Daulah Islamiyyah

ABSTRACT

An extremist movement which is a threat to security in Malaysia today is the militant group, Islamic State of Iraq and Sham (ISIS). ISIS's declared struggle to set up an Islamic state using violence, kidnapping, abuse, coup, killing and bombing is perceived as contrary to Islamic teachings. The militant ISIS movement can bring harm to the Malaysian society by bringing threats, damages, and disasters to Malaysia. They spoiled the image of Islam by exhibiting terrorism and cruelty that showed the non-civilized and inhuman Islamic religion. Hence, the purpose of this research is to study the ideology of the Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) Movement in Malaysia. This research is qualitative in design using content analysis method. Research results show that the ideas disseminated by ISIS among Malaysians include the call to jihad (interpreted by them as holy war) to establish the country of Daulah Islamiyyah, false ISIS ideology which is touching sympathy and anguish sentiments with the fate of Sunni Muslims under the Syiah, condemnation of constitutional democracy practised by some countries as shirk (ascribing partners to God) which must be fought, killing of state and government security forces and confiscation of their properties, permissibility of killing Muslims and migration of the Muslim community to the al-Sham or Levant Sovereign Islamic State. The implications of this research is to increase the knowledge of the Malaysian society concerning the threat and influence of ISIS so as to curb the influence of this extremist group in order to maintain peace and security in Malaysia. The Malaysian community can know that Islam not taken with the rough, hard and tyrannical approach as carried by the militant ISIS movement. In fact, in this research, we hope the Malaysian know the struggle of ISIS militants with at least their ideology.

Keywords: ISIS; extremis; jihad; Islamic Sovereign State.

PENGENALAN

Masyarakat Malaysia banyak terdedah dengan ideologi yang bersifat keras dan ekstrem sejak akhir-

akhir ini di mana tindakan mereka ini melampaui batas kemanusiaan. Antara tindakan ekstrem yang melampaui batasan kemanusiaan adalah seperti melakukan keganasan, penculikan, penderaan,

rampasan kuasa, pembunuhan dan pengeboman (Zul' Azmi & Ahmad Sunawari Long 2015). Gerakan ekstrem yang menjadi ancaman kepada keselamatan negara Malaysia pada hari ini ialah kumpulan militan Islamic State of Iraq and Sham (ISIS). Perjuangan yang dibawa oleh gerakan militan ISIS adalah untuk menubuhkan sebuah negara Islam dengan menggunakan keganasan yang jelas dilihat bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah (Dewan Rakyat Malaysia 2014). Kumpulan militan ISIS ini juga akan membunuh sesiapa sahaja tanpa mengira umat Islam atau bukan Islam yang menghalang mereka untuk mencapai matlamat membina negara Islam.

Ideologi ISIS boleh menggugat kesejahteraan masyarakat dan agama kerana mereka melakukan kekejaman dan keganasan atas nama agama Islam. Ini bersesuaian dengan fahaman yang dipegang oleh kumpulan militan ISIS iaitu mati syahid yang merupakan paksi utama perlu ditanam dalam diri mereka. Mereka ini dilatih untuk menjadi pengebom berani mati sebagai senjata mereka dalam menentang pihak yang dianggap sebagai musuh (Mohd Hizam & Zamihan 2016). Melihat kepada situasi fahaman ideologi ekstrem yang dibawa oleh kumpulan militan ISIS ini, kerajaan Malaysia bertindak tegas kepada setiap individu yang melanggar undang-undang keganasan. Bagi menghadapi ancaman ini, semua rakyat Malaysia perlu peka dan bertanggungjawab untuk memahami gerakan ISIS ini secara mendalam supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan ideologi yang disebarluaskan oleh gerakan ISIS. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti ideologi gerakan ISIS yang disebarluaskan kepada masyarakat Malaysia.

EKSTREMIS DAN ISIS

Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) merupakan kelompok daripada kumpulan Al Qaeda di Iraq yang ditubuhkan pada bulan April 2013 dan dipimpin oleh Abu Bakar Al-Baghdadi yang mengisytiharkan pemerintahan beliau adalah bercirikan *Daulah Islamiyyah*. Abu Bakar Al-Baghdadi ialah ketua pimpinan kumpulan militan ISIS. Nama sebenar beliau ialah Ibrahim bin 'Awad bin Ibrahim Al-Badri. Beliau dilahirkan di bandar Samarra, Iraq pada tahun 1971. Beliau juga mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, dan Ph.D dalam bidang Pengajian Islam di Universiti Islam Baghdad. Beliau ini dilahirkan dalam keluarga yang percaya dengan akidah Salafi Tafkiri iaitu fahaman yang suka mengkafirkan orang lain bagi mereka yang tidak

setuju dengan pandangannya (Angkatan Tentera Malaysia 2015). Namun demikian, kumpulan militan ISIS ini melakukan keganasan dan kekejaman seperti memenggal kepala, membakar manusia hidup-hidup, menyalib dan mempamerkan mayat pembunuhan di seluruh dunia melalui media sosial (Zainal Fikri 2015). Media sosial merupakan platform utama bagi mereka menyebarkan ideologi mereka. Antara platform media sosial yang selalu digunakan oleh kumpulan militan ISIS ialah *Facebook* dan *Youtube*. Melalui media sosial ini golongan muda terutamanya yang berdarah muda lebih mudah terpengaruh dengan semangat jihad ISIS yang mirip dengan kumpulan di Malaysia seperti Jemaah Islamiyyah (JI), al-Maunah, Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Darul Islah Sabah dan Tanzim al-Qaeda Malaysia. Semangat yang dibawa oleh ISIS ini boleh memberi impak kepada kumpulan seperti ini untuk mempengaruhi golongan muda supaya berjihad di jalan Allah SWT. Sehingga kini Pihak Polis Diraja Malaysia PDRM telah mengenal pasti seramai tiga puluh sembilan orang rakyat Malaysia yang menyertai ISIS dan empat puluh orang lagi terpengaruh dengan ideologi mereka (Dewan Rakyat Malaysia 2014).

Penggunaan media sosial seperti *Facebook* dan *Youtube* merupakan senjata utama bagi kumpulan ISIS menyebarkan ideologi mereka yang berbentuk video, audio, artikel, dan gambar dengan bertujuan untuk mendapat perhatian orang ramai bahawa perjuangan mereka itu adalah benar bagi mewujudkan negara Islam. Di dalam hasil kajian jurnal yang telah dilakukan oleh Gabriel Weimann (2016) yang berjudul *why do terrorist migrate to social media?* menunjukkan bahawa kumpulan ISIS menyebarkan ideologi mereka melalui saluran media yang hanya percuma untuk dilayari bagi semua golongan masyarakat.

Kumpulan ISIS menyedari bahawa kekuatan menyebarkan ideologi palsu di media sosial sangat berkesan berbanding dengan senjata api. Hal ini kerana, kumpulan ISIS yakin bahawa dengan strategi mereka ini boleh menarik perhatian seluruh rakyat di dunia dan Malaysia untuk mengikuti ideologi mereka. Melihat kepada situasi hari ini penyebaran ideologi palsu di media sosial merupakan salah satu cara yang efektif sehingga ia boleh menggugat kedaulatan dan keselamatan negara (Ahmad Sauffiyan 2016; Siti Rokiah & Fadzli Adam 2017).

Antara ideologi palsu yang diketengahkan oleh kumpulan ISIS ini adalah menyentuh sentimen umat Islam iaitu ahli Sunni ditindas dengan kejam oleh golongan Syiah. Sentimen ini telah membuatkan umat Islam simpati dan marah dengan tindakan golongan

Syiah ini. Seterusnya kumpulan ISIS ini, menonjolkan diri mereka sebagai kumpulan yang mengamalkan hukum Islam yang sebenar (Mohd Hizam & Zamihan 2016). Propaganda mereka ini berjaya menarik perhatian rakyat Malaysia untuk menyokong segala tindakan mereka itu adalah benar. Sekaligus rakyat Malaysia mempercayai dengan penghijrahan mereka ke negara Syria merupakan perkara yang mulia kerana mereka sedia berkhidmat di jalan Allah SWT bagi membantu kumpulan ISIS memperjuangkan hak ahli Sunni di Syria. Melalui propaganda mereka ini seramai dua belas orang rakyat Malaysia telah membuat keputusan untuk menyertai kumpulan militan ISIS (Dewan Rakyat Malaysia 2014).

Antara rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan ideologi ISIS seperti Razif bin Mohd Ariff adalah seorang pelajar yang belajar di Pakistan dan Yaman yang berusia 33 tahun ter dorong untuk berjuang bersama-sama dengan kumpulan ISIS di medan peperangan. Beliau bekerja sebagai kontraktor pembinaan. Matlamat beliau untuk berjuang di Syria terhalang kerana pihak risikan tentera telah melakukan langkah awal dengan memantau beliau sehingga beliau ditangkap pada 18 Oktober 2012 sewaktu perjalanan beliau ke Syria. Seterusnya, seorang bekas pegawai tentera dan juga bekas anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) Yazid bin Suffat yang berusia 50 tahun menjadi tulang belakang kumpulan ISIS dengan merekrut ahli baharu yang menyertai kumpulan ISIS di Malaysia. Beliau menggunakan pendekatan *Facebook* untuk melatih ahli baharu yang menyertai kumpulan ISIS. Usaha beliau ini terhenti apabila pihak PDRM telah berjaya menahan beliau pada bulan Februari pada tahun 2013 (Dewan Rakyat Malaysia 2014).

Berdasarkan propaganda palsu yang disebarluaskan oleh kumpulan ISIS ini ia banyak menarik perhatian golongan muda untuk menyertai jihad bersama-sama dengan mereka. Hal ini kerana, golongan muda ini sinonim dengan sikap ingin mencuba dan sangat gemar melayari media sosial. Mereka beranggapan bahawa jalan perjuangan mereka untuk berjihad di Syria ini dapat menebus kembali dosa yang pernah mereka lakukan sebelum ini.

Menyertai gerakan kumpulan ISIS ini boleh memesangkan akidah umat Islam kerana mereka mempercayai bahawa segala tindakan yang berbentuk kekerasan dan keganasan boleh dilakukan untuk mencapai matlamat dalam mewujudkan Daulah Islamiah. Mereka ini hanya memandang jihad itu adalah satu usaha perang fizikal untuk membangunkan negara Islam tanpa mereka sedari bahawa jihad membangunkan ilmu atau meluaskan ekonomi sosial

juga adalah usaha yang baik untuk pembangunan umat Islam (Rahimin 2017). Nur Rosidah (2015) dalam artikelnya yang bertajuk *Fundamentalisme Agama* menerangkan bahawa golongan fundamental ini sering melakukan tindakan berbentuk kekerasan dan ekstrem dengan hanya memegang beberapa potong ayat al-Quran tanpa memahami secara keseluruhan latar belakang *asbab* ayat al-Quran itu diturunkan. Akibatnya mereka melakukan tindakan keganasan demi menaikkan nama Islam dan mengembalikan semula ajaran agama Islam pada tempatnya sehingga melibatkan nyawa orang awam atas ketidakfahaman mereka dalam memahami ayat al-Quran. Tindakan mereka itu menyebabkan umat Islam menjadi keliru sehingga mereka menganggap bahawa perjuangan ISIS adalah jihad dan menegakkan *Daulah Islamiyah* itu adalah satu tuntutan agama. Umat Islam tidak menyedari bahawa kumpulan ISIS menggunakan agama Islam hanyalah untuk dijadikan sebagai alat bagi meraih sokongan, merekrut pengikut, dan menggalakkan umat Islam berhijrah ke *Daulah Islamiyah* mereka.

Bahkan pula, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-106 (2014) menegaskan bahawa kebanyakannya para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah seluruh dunia telah mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS ini kerana ideologi keganasan dan pendirian mengkafirkkan dan menghalalkan darah sesiapa yang tidak sehaluan. Mereka telah membunuh rakyat tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yahudi dengan kezaliman. Para ulama Ahli Sunnah seluruh dunia bersepakat melabelkan ISIS ini sebagai Khawarij di zaman moden. Justeru, tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad bagi menyokong golongan ISIS adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan mati syahid mengikut kerangka hukum syarak. Selain itu ramai lagi para ulama yang menyatakan perjuangan ISIS ini tidak benar seperti Yusuf al-Qaradawi yang menyatakan bahawa deklarasi yang dilakukan ISIS tidak sah dan telah melanggar hukum syariah dan Majlis Ulama Indonesia (MUI) mengatakan bahawa ISIS merupakan kelompok Islam radikal yang ada di zaman sekarang kerana menjual nama Islam dan menggunakan pendekatan kepada penduduk dengan cara pemaksaan, kekerasan dan pembunuhan terhadap orang-orang yang tidak berdosa serta merosak rumah-rumah ibadat orang Muslim (Ahmad Nuryani et al. 2015; Mohd Hefzan et al. 2018).

Selain itu, penglibatan rakyat Malaysia dalam konflik bersenjata ISIS boleh mendedahkan risiko keselamatan negara. Hal ini disebabkan militan yang kembali dari Syria dan Iraq berpotensi untuk merekrut dan melatih golongan belia untuk menganggotai kumpulan militan ISIS ini. Menurut laporan hasil siasatan PDRM menyatakan bahawa golongan belia merupakan golongan utama Sasaran ISIS yang paling mudah untuk dipengaruhi oleh dakyah ISIS (Dewan Rakyat Malaysia 2014). Sebagaimana yang berlaku di Malaysia, penyokong kumpulan ISIS yang berada di Malaysia tidak berpeluang pergi ke Syria dan Iraq tetapi mereka membuat keputusan untuk melakukan serangan di negara mereka sendiri. Ia adalah tanda mereka berjihad bersama-sama dengan kumpulan ISIS. Hal ini terbukti dengan melihat kepada maklumat yang telah dikeluarkan oleh PDRM pada 28 April 2014, polis telah menahan sebelas orang suspek anggota dan mereka mendedahkan segala perancangan mereka untuk melakukan serangan bom ke atas pusat-pusat hiburan di Kuala Lumpur, kilang minuman keras di Selangor dan bangunan kerajaan di Putrajaya. Bahkan pula, daripada hasil siasatan polis terhadap seorang daripada suspek yang ditahan ini telah membeli beberapa serbuk aluminium di mana ia merupakan bahan adunan untuk dijadikan sebagai bahan letupan (Dewan Rakyat Malaysia 2014).

Terdapat beberapa kajian yang mengkaji berkaitan dengan ISIS sebelum ini. Khususnya di Indonesia melalui kajian Khalil Arkham Hakim (2016) dalam tesis Sarjana Jabatan Syariah di Universiti Islam Sunan Kalijaga Yogyakarta berjudul *Konflik Timur Tengah dalam Perspektif Geopolitik (Kajian tentang Islamic State of Iraq and Syria)* menjelaskan faktor geopolitik dapat membantu kumpulan militan ISIS dalam memperkembangkan kemunculan ideologinya. Hasil dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa ISIS bijak menggunakan strategi konflik pergaduhan di kawasan Timur Tengah untuk menyebarkan ideloginya bagi penubuhan *Daulah Islamiah*. Selain itu, kajian Fahrur Kurni (2015) yang bertajuk *Islamic State of Iraq and Syria (ISIS): Gerakan Jihad @ Radikal (Kajian Eksploratif tentang Persepsi Aktivis Lembaga Dakwah Kampus di Universiti Lampung)* membincangkan mengenai persepsi mahasiswa mengenai gerakan kumpulan militan ISIS yang semakin berkembang pada hari ini. Metode yang digunakan oleh penyelidik di dalam kajian ini adalah kaedah temu bual terhadap sembilan orang mahasiswa ketua umum lembaga dakwah di kampus. Daripada hasil temu bual ini jelas dilihat bahawa mereka memberi jawapan yang sama iaitu mereka menolak ideologi ISIS. Hal ini kerana, mereka berpandangan

kumpulan ISIS ini merupakan kelompok gerakan yang sangat radikal dan ganas yang tidak mencerminkan kesucian agama Islam yang sebenar.

Seterusnya, kajian Laporan Penelitian Zainal Fikri (2015) yang berjudul *Analisis Ideologi atas Pernyataan Sikap Gerakan Islam di Indonesia Terhadap ISIS (Islamic State of Iraq and Sham)* memfokuskan tentang pandangan ahli gerakan Islam di Indonesia terhadap ideologi ISIS. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual terhadap tujuh buah gerakan Islam di Indonesia seperti Jemaah Ansharul Tauhid (JAT), Jemaah Ansharusy Syariah (JAS), Hizbur Tahrir Indonesia (HTI), Front Pembela Islam (FPI), Muhammadiyah Forum Ukhudhul Majlis Ulama Indonesia (FUI-MUI), dan Nahdhatul Ulama (NU). Terdapat empat buah gerakan Islam JAT, JAS, HTI, FPI mempunyai dasar yang sama dengan kumpulan ISIS iaitu untuk membina negara Islam tetapi strategi dan metode mereka sangat berbeza dengan ISIS. Mereka menolak cara kekerasan dan keganasan ini digunakan untuk mencapai matlamat menubuhkan negara Islam. Di sini jelas menunjukkan keganasan dan kekerasan bukanlah cara yang sesuai untuk digunakan dalam membentuk negara Islam malah dilarang oleh agama Islam itu sendiri.

Di samping itu, kajian lain mengenai ideologi palsu ISIS juga telah dilakukan oleh Nor Rosidah (2012) yang bertajuk *Fundamentalisme Agama* memfokuskan mengenai potongan ayat al-Quran yang sering kali digunakan oleh kumpulan ISIS sebagai landasan untuk mereka melakukan keganasan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan bentuk kualitatif iaitu menggunakan cara interpretasi bagi memahami ayat al-Quran. Oleh itu, golongan fundamental ini melakukan tindakan berunsurkan ekstrem dan keganasan adalah kerana mereka memegang beberapa potongan ayat al-Quran tanpa memahami secara keseluruhan ayat tersebut. Akibatnya, mereka mengimani ayat-ayat al-Quran ini untuk menyebarkan dakyah mereka kepada masyarakat dengan beranggapan bahawa tindakan keganasan yang dilakukan ini adalah untuk menaikkan agama Islam. Oleh yang demikian, pembaca menjadi keliru dan salah faham dalam memahami ayat al-Quran serta menyebabkan mereka menganggap bahawa perjuangan ISIS adalah jihad dan ia merupakan satu tuntutan wajib dalam agama Islam.

Secara ringkasnya, kajian-kajian terdahulu berkenaan ISIS lebih banyak menyentuh mengenai persepsi masyarakat terhadap keganasan ISIS, faktor geopolitik yang memberi ruang terhadap kemunculan ISIS, media sosial sebagai medan utama penyebaran

ideologi ISIS dan kekeliruan dalam memahami ayat al-Quran secara umum. Namun demikian, masih kurang kajian yang dilakukan untuk mengkaji ideologi-ideologi ISIS secara spesifik di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat kertas kerja yang dibentangkan di Dewan Rakyat Malaysia (2014) menjelaskan bahawa objektif utama mereka adalah untuk menyedarkan rakyat Malaysia agar tidak terpedaya dengan ideologi kumpulan ISIS. Melalui kajian kertas kerja ini, membuktikan bahawa media sosial merupakan senjata utama kumpulan ISIS bagi menyebarkan ideologi mereka. Bahkan pula, melalui media *Facebook* ketua kumpulan mereka Abu-Bakar al-Baghdadi mengisyiharkan dirinya sebagai khalifah umat Islam yang bertanggungjawab bagi membina negara Islam. Perkara ini sangat membimbangkan kerana kumpulan ISIS menyebarkan ideologi mereka di Malaysia dengan menyentuh tentang mati syahid. Rakyat Malaysia lebih mudah ter dorong untuk menyertai kumpulan ISIS adalah kerana keinginan untuk mati syahid dan perasaan bersimpati yang tinggi terhadap penderitaan umat Islam di Syria. Oleh yang demikian, kajian tentang ISIS perlu lebih banyak dibincangkan khususnya di Malaysia disebabkan ideologi dan ancaman ISIS membawa bahaya kepada masyarakat Malaysia yang jelas terpesong daripada ajaran agama Islam yang sebenar.

Berdasarkan isu-isu yang dikemukakan di atas, pengaruh gejala ISIS menjadi sangat membimbangkan kerana ia boleh memesangkan akidah umat Islam dan boleh menggugat keselamatan negara Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Pengumpulan data pula dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan adalah merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang wujud secara tersurat (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan 2016). Ia boleh didapati melalui penelitian terhadap kajian-kajian dan penyelidikan yang terdahulu menerusi artikel jurnal, kertas kerja serta buku-buku yang berkaitan dengan ideologi kumpulan ISIS. Manakala analisis data pula ia dilakukan secara induktif dan deduktif. Proses induktif ini merupakan proses di mana penyelidik membentuk hipotesis serta teori daripada hasil dapatan yang dikumpulkan dan bukan yang ditentukan dari awal penyelidikan (Othman 2017). Manakala proses deduktif diperoleh daripada hasil tinjauan literatur

yang mana ia merupakan asas bagi penyelidik untuk membina kerangka teori atau kerangka konsep kajian (Siti Uzairiah 2017).

ANCAMAN ISIS

Kumpulan militan ISIS sinonim dengan menggunakan keganasan dan kekerasan untuk menguasai sesebuah daerah atau negara bagi menjayakan matlamat untuk menubuhkan negara Islam melalui pertumpahan darah. Antara ideologi yang diperjuangkan oleh ISIS adalah seperti berikut.

SERUAN JIHAD

Kumpulan militan ISIS mempunyai matlamat jihad yang tinggi iaitu untuk menegakkan negara Islam di samping memartabatkan syariat Islam di atas muka bumi Allah SWT. Pengertian jihad daripada sudut bahasa ialah usaha. Manakala definisi jihad menurut al-Qaradawi (2009) adalah pecahan daripada isim *masdar* iaitu dari kata *jahada-yujahidu-jihadan-mujahadah*. Dalam erti kata lain, jihad ini membawa maksud bersungguh-sungguh untuk menyebarkan dan membela Islam. Selain itu, didalam penulisan *Mufradat al-Quran*, Al-Raghib Al-Isfahani membahagikan jihad kepada dua perkataan iaitu *al-jahd* dan *al-juhd* yang bermaksud bebanan dan usaha (Ahmad Nuryani et al. 2015). Oleh itu, al-Qaradawi (2009) membuat tiga pecahan pengertian jihad yang memerlukan usaha seseorang Muslim bagi menentang musuh. Antaranya ialah berjihad melawan musuh yang jelas kezalimannya, berjihad melawan dugaan syaitan dan berjihad melawan hawa nafsu. Jelas di sini menunjukkan seseorang Muslim hendaklah berjihad iaitu berusaha mencurahkan tenaga serta kekuatan untuk menentang kejahatan bermula di dalam diri sendiri sehingga pihak musuh yang menceroboh kedaulatan negara serta agama Islam (al-Qaradawi 2013).

Seruan jihad ini telah mendatangkan bahaya kepada negara Malaysia kerana pembawakan ideologi mereka ini seakan-akan mirip dengan perjuangan yang dibawa oleh Jemaah Islami (JI) di Indonesia, Al-Maunah, Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Darul Islam Sabah, Tanzim Al-Qaeda Malaysia. Ideologi jihad ini juga disampaikan melalui usrah yang dilaksanakan oleh ahli kumpulan Jemaah Islami (JI) kepada ahli Kumpulan Militan Malaysia (KMM) (Siti Zubaidah et al. 2017). Oleh itu, secara tidak langsung kemunculan ideologi jihad ini sedikit sebanyak dapat menaikkan semangat jihad dan

menghidupkan kembali aktiviti-aktiviti kumpulan mereka yang telah terkubur yang mana selama ini aktiviti mereka dipantau dan dibendung oleh pihak berkuasa keselamatan negara (Dewan Rakyat Malaysia 2014).

Malah pula, seruan jihad yang dibawa oleh kumpulan militan ISIS ini menjadi isu yang sangat membimbangkan kerajaan Malaysia kerana mereka menggunakan asas agama tuntutan jihad di jalan Allah SWT untuk mempengaruhi pemikiran rakyat Malaysia. Antara sebab rakyat Malaysia terpengaruh dengan ideologi seruan jihad ini adalah berperang di Syria merupakan peperangan yang benar di jalan Allah dan mereka dijanjikan syurga bagi sesiapa terkorban di medan peperangan (Dewan Rakyat Malaysia 2014). Bahkan pula kumpulan militant ISIS menyatakan bahawa peperangan di Syria merupakan peperangan akhir zaman yang dikenali sebagai peristiwa *Malhamah Kubra*. Mereka mengeksplorasi ayat al-Quran dan Hadis mengenai peristiwa ini mengikut fahaman mereka sendiri dengan mengelirukan orang Islam agar menyertai seruan jihad bersama-sama dengan mereka. Namun begitu, jelas terlihat bahawa peperangan yang berlaku di Syria adalah peperangan sesama Muslim dan ia berlaku adalah kerana pertembungan politik (Dewan Rakyat Malaysia 2014).

Selain itu, penderitaan dan penyeksaan yang dihadapi oleh penduduk Sunni di Syria yang ditindas dengan kejam semasa pemerintahan al-Assad telah menarik simpati rakyat Malaysia untuk berjihad bersama mereka. Sentimen simpati ini lebih kuat apabila beberapa demonstrasi dilakukan di hadapan Kedutaan Syria di Kuala Lumpur pada bulan Jun 2013 dengan melibatkan seribu rakyat Malaysia (Dewan Rakyat Malaysia 2014).

Walau bagaimanapun, Maszlee (2016) berpendapat fahaman jihad mereka ini bertentangan dengan ajaran sebenar agama Islam kerana ia bersifat ekstrem sehingga mengkafirkhan dan membunuh orang Muslim yang tidak boleh mengikut rentak perjuangan mereka. Seruan jihad ini merupakan elemen utama yang membolehkan rakyat Malaysia terpengaruh sehingga mereka sanggup meninggalkan ahli keluarga demi berjihad bersama kumpulan militan ISIS di Syria. Hal ini dibuktikan, sehingga tahun 2015 terdapat beberapa rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan ideologi ISIS sehingga mereka membawa seluruh ahli keluarga berpindah ke Syria. Ahmad Sauffiyan (2016) menjelaskan pandangan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman Datuk Ayub Khan Mydin Pitchy mengatakan bahawa beliau

bimbang dengan ideologi ISIS semakin tersebar di Malaysia sehingga seramai lapan buah keluarga telah berpindah menetap di Syria untuk berjuang bersama-sama dengan kumpulan militan ISIS. Malahan pula, ideologi jihad yang dibawa oleh ISIS ini sangat kuat sehingga rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan ideologi ISIS sanggup membunuh ahli keluarga anggota PDRM sekiranya mereka bersama-sama dengan kerajaan Malaysia menentang perjuangan kumpulan militan ISIS.

Jelas di sini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia ghairah untuk berjihad di atas nama kumpulan ISIS dengan kepercayaan bahawa jihad yang mereka lakukan itu adalah mati syahid di sisi Allah SWT. Ini bertentangan dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-106 (2014) menegaskan bahawa tindakan umat Islam yang terdorong untuk berjihad bersama dengan kumpulan ISIS adalah sia-sia kerana perjuangan mereka bukanlah dikategorikan sebagai syahid berdasarkan kerangka Hukum Syarak. Ini menunjukkan bahawa sebilangan rakyat Malaysia cetek dalam ilmu pengetahuan agama dan kurang mendapat mendapat pendedahan yang jelas mengenai tindakan ekstrem kumpulan ISIS.

NEGARA DEMOKRASI DAN BERPERLEMBAGAAN DIANGGAP ‘SYIRIK’ DAN WAJIB DIPERANGI

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Mengikut pandangan kumpulan militan ISIS, negara Malaysia perlu diperangi dengan menggunakan jihad *qital* (bunuh) iaitu peperangan dengan pertumpahan darah. Mereka beranggapan negara Malaysia adalah negara sekular atau dengan kata mudah mereka ‘murtad’ kerana tidak mengamalkan konsep negara Islam. Bukan hanya negara Malaysia sahaja yang dikafirkhan oleh mereka malah negara lain yang mengamalkan sistem pemerintahan yang berkonsepkan demokrasi juga dikafirkhan. Kumpulan militan ISIS memahami sistem pemerintahan demokrasi adalah buatan manusia dan bukannya daripada hukum Islam (Maszlee 2016).

PIHAK KESELAMATAN NEGARA DAN KERAJAAN BOLEH DIBUNUH DAN HARTA BENDA BOLEH DIRAMPAS

Dalam buku *IS/ISIL/DAESH/ISIS* yang ditulis oleh Maszlee (2016) menyatakan kumpulan ISIS mendakwa bahawa mereka tidak mengkafirkhan semua penduduk yang tinggal di dalam sesebuah negara tetapi mereka

menghalalkan darah dengan membunuh pihak polis, anggota tentera dan kerajaan. Hal ini merujuk kepada penulisan jurnal Ahmad Sauffiyan (2016) pada 23 Jun 2016 pihak PDRM telah menerima satu video daripada pihak kumpulan ISIS yang bertajuk *Thagut*. Jurucakap kumpulan ISIS Mohd Rafi yang merupakan bekas anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) memberi video mesej kepada anggota polis Malaysia. Beliau mengatakan “bunuh mereka di mana sahaja yang anda jumpa.” “Jika anda ada kereta langgarlah mereka.” “Gunakanlah senjata dan pisau untuk menikam terus ke dada mereka.” Di samping itu, beliau juga mengatakan bahawa mereka sedia untuk menyembelih semua anggota polis yang ada di Bukit Aman. “Apabila kami datang, maka rakan kami di negara ini juga akan memburu anda habis-habisan. Oleh itu, jelas menunjukkan ancaman yang telah dikeluarkan ISIS di media sosial membimbangkan pihak kerajaan Malaysia dan seterusnya kerajaan telah menjalankan operasi besar-besaran untuk menangkap individu yang disyaki terlibat dengan perjuangan kumplan militan ISIS (Ahmad Saufiyyan 2016).

Selain itu, melalui penulisan jurnal Ahmad Sauffiyan (2016) mengenai *DAESH: Kebangkitan dan Pengaruh Media Sosial* menjelaskan bahawa kumpulan militan ISIS memberi amaran kepada semua masyarakat melalui video dengan mengatakan bahawa jika kamu menangkap kami, maka jumlah kami semakin bertambah dan jika kamu membiarkan kami dengan cara kami sendiri, maka kami akan lebih dekat untuk berusaha mengembalikan pemerintahan khalifah Islam. Kumpulan ISIS juga tidak teragak-agak untuk membunuh pihak yang bertanggungjawab menjaga keselamatan negara seperti pihak polis dan anggota tentera kerana mereka ini adalah benteng pertahanan kepada negara Malaysia (Maszlee 2016).

MENGHALALKAN DARAH UMAT ISLAM

Kumpulan militan ISIS terus melakukan kezaliman dengan membunuh umat Islam yang tidak bersama-sama dengan perjuangan mereka. Bagi mereka umat Islam yang tidak berpaksikan fahaman ideologi mereka adalah halal untuk dibunuh. Ramai umat Islam yang tidak bersalah menjadi mangsa keadaan apabila mereka membuat pengeboman berani mati di pasar, menyembelih wanita dan kanak-kanak yang tidak bersalah di Syria (Mohd Hizam & Zamihan 2016). Kekejaman yang dilakukan kumpulan ISIS ini melampau dan tidak berperikemanusiaan. Hairul Azmi (2015) membincangkan teks khutbah Jumaat yang bertajuk *ISIS; Pengganas Bertopengkan Islam*

melihatkan bahawa kumpulan ISIS membunuh dengan memancung kepala dua orang aktivis kemanusiaan Jepun yang membantu rakyat di sana. Pembunuhan itu dilakukan adalah untuk memberi amaran kepada kerajaan Jepun agar mereka tidak campur tangan terhadap krisis yang berlaku di Iraq dan Syria. Selain itu, seorang Muslim ahli Sunni telah dibakar secara hidup-hidup kerana beliau terlibat dalam membuat serangan terhadap kumpulan ISIS. Beliau merupakan seorang juruterbang Jordan yang bernama Mu’az Yusuf al-Kasasibah. Ini adalah sebahagian umat Islam dan bukan negara Islam yang dibunuh adalah kerana mereka menentang ideologi keganasan ISIS. Segala pembunuhan yang dilakukan mereka ini bukanlah diambil daripada media Barat malah kumpulan ISIS itu sendiri bangga menghebahkan perbuatan mereka yang kononnya menegakkan syariat Islam melalui media sosial.

UMAT ISLAM WAJIB BERHIJRAH KE DAULAH ISLAMIYYAH SYRIA

Maszlee (2016) dalam bukunya *IS/ISIL/DAESH/ISIS* menjelaskan kumpulan ISIS berpegang teguh dengan ideologi bahawa semua umat Islam wajib berhijrah ke negara *Daulah Islamiyyah*. Hal ini juga ditegaskan oleh kepimpinan tertinggi ISIS Abu Bakar al-Baghdadi agar umat Islam yang berpegang dengan ahli Sunni perlu berhijrah ke *Daulah Islamiyyah* yang menggunakan sistem Khalifah dan mengamalkan hukum syariat Islam (Zulkarnain 2015). Jelaslah bahawa ideologi kumpulan ISIS ini adalah palsu dan mereka menggunakan nama agama Islam untuk dijadikan sebagai senjata utama bagi menggalakkan umat Islam berhijrah ke *Daulah Islamiyyah* hasil ciptaan mereka sendiri (Zulkarnain 2015). Mereka juga telah melantik Abu Bakar al-Baghdadi sebagai ketua Khalifah bagi seluruh umat Islam di dunia dan wajib *bai’ah* kepada beliau. Proses perlaksanaan *bai’ah* yang dilakukan oleh kumpulan ISIS ini adalah berbentuk secara terang-terangan di media sosial. Mereka juga boleh *berba’iah* secara berdepan *offline* mahupun secara atas talian *online* (Siti Zubaidah 2017). Jelas di sini menunjukkan ideologi mereka ini menyeleweng dan bertentangan dengan syariat agama Islam yang sebenar.

Perbincangan ini menjelaskan bahawa umat Islam di Malaysia khususnya perlu memahami ajaran agama Islam yang menentang dasar kekerasan, kekejaman dan kezaliman seperti yang dibawa oleh kumpulan militan ISIS. Tindakan yang dipegang oleh kumpulan ISIS ini boleh menjatuhkan imej Islam yang terkenal dengan agama yang suci dan

menekankan keharmonian. Rakyat Malaysia perlu mengetahui ideologi kumpulan ini adalah palsu dan menyeleweng.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan antara ideologi bahaya yang disebarluaskan oleh ISIS dalam kalangan rakyat Malaysia merangkumi seruan jihad, negara demokrasi dan berperlembagaan dianggap ‘syirik’ dan wajib diperangi, pihak keselamatan negara dan kerajaan boleh dibunuh dan harta benda boleh dirampas, menghalalkan darah orang Islam dan umat Islam wajib berhijrah ke *Daulah Islamiyyah Syria*. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat Malaysia terhadap ancaman dan pengaruh bahaya ISIS ke arah membendung golongan ekstremisme di Malaysia bagi mencapai negara Malaysia yang sejahtera. Kajian mencadangkan kerjasama daripada semua pihak termasuklah ibu bapa, para pendidik dan pemimpin bersama-sama memainkan peranan bagi membendung fahaman ideologi ISIS ini agar tidak terus berkembang dalam kalangan rakyat Malaysia. Masyarakat Malaysia juga perlu terus menimba ilmu agama dan memperbanyakkan bacaan, memahami, menganalisis dan bertanya kepada ahli agamawan terlebih dahulu sebelum bertindak dan tidak mudah terus percaya terhadap laman web sosial. Sesungguhnya Islam itu indah, mudah dan bukanlah agama yang berunsurkan keganasan malah berkasih sayang antara satu sama lain.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan *output* bagi penyelidikan Cabaran Perdana di bawah UKM bertajuk *Rehabilitasi Psikologi Terhadap Golongan Ekstremis di Malaysia*, kod projek DCP-2017-009/4.

RUJUKAN

- Al-Qaradawi. 2009. *Fiqh Jihad*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi. 2013. *Fiqh Jihad*. Terj. Fauwaz Fadzil. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Angkatan Tentera Malaysia. 2015. *Ancaman Militan Islamic State (IS)*. Kuala Lumpur: Attin Press Sdn. Bhd.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2016. *Mengenali Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajaran Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Nuryani, Rasyidin Abdul Latif dan Anwar Fakhri Omar. 2015. Jihad ISIS dalam Perspektif Ulama Islam. *Jurnal Fikiran Masyarakat* 3(1): 1-12.
- Ahmad Sauffiyan Abu Hassan. 2016. DAESH: Kebangkitan dan pengaruh media sosial. *Malaysian Journal of Comunication* 32(2): 381-404.
- Dewan Rakyat Malaysia. 2014. *Kertas Putih ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State*. Kertas Periman 76, tahun 2014.
- Fahrur Kurnia. 2015. Islamic State of Iraq and Syria (ISIS): Gerakan Jihad @ Radikal (Kajian Eksplotatif tentang Persepsi Aktivis Lembaga Dakwah Kampus di Universiti Lampung). Tesis Sarjana. Bandar Lampung: Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universiti Lampung Indonesia.
- Gabriel Weimann. 2016. Terrorist migration to the darkweb perspectives on terrorism. *Journal of The Terrorism Research Initiative and The Center for Terrorism & Security Studies* 10(6): 40-43.
- Hairul Azmi b. Khairudin. 2015. *ISIS; Pengganas Bertopengkan Islam*. Unit Khutbah Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor [Diakses pada 15 April 2018].
- Kholil Arkham Hakim. 2016. Konflik Timur Tengah dalam Perspektif Geopolitik (Kajian tentang Islamic State of Iraq and Syria). Tesis Sarjana. Yogyakarta: Fakulti Syariah, Universiti Islam Sunan Kalijaga Indonesia.
- Maszlee Malik. 2016. *IS/ISIL/DAESH/ISIS*. Selangor: PTS Batu Caves Publishing House Sdn. Bhd.
- Mohd Hefzan Azmi, Azmi Aziz & Ishak Abd Rahman. 2018. Ideologi terorisme di kalangan pelajar universiti: Isu dan cabaran. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 4(10): 87-95.
- Mohd Hizam Hanafiah & Zamihan Mat Zin al-Gahri. 2016. *Bahaya ISIS (DAESH)*. Negeri Sembilan: Alhimna Enterprise.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. 2014. Kali Ke-106. Bersidang pada 21-22 Oktober 2014 [Diakses 13 Februari 2017].
- Nur Rosidah. 2012. Fundamentalisme agama. *Jurnal Walisongo* 20: 1-24.
- Othman Lebar. 2017. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Mohd Imran Abdul Razak, Muhammad Ikhlas Rosele & Siti Maimunah Kahal. 2017. Ekstremis Islam di Alam Melayu: Satu Pengenalan. *Conference Proceedings ARICIS I*, hlm. 568-588.
- Siti Rokiah Ab Rahman & Fadzli Adam. 2017. ISIS: Peranan Internet dan Media Sosial. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, hlm. 23-28.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. 2017. *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.

- Siti Zubaidah Abu Bakar, Azura Muhammed Kifli & Kamaruzaman Yussoof. 2017. Persamaan ideologi radikal Islam di Malaysia dalam kumpulan jemaah islamiyyah, kumpulan militan Malaysia dan Islamic State (DAESH). *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 2(2): 155-168.
- Zainal Fikri. 2015. *Laporan Analisis Ideologis atas Pernyataan Sikap Gerakan Islam di Indonesia Terhadap ISIS (Islamic State of Iraq and Sham)*. Institut Agama Islam Negeri Antasari Lembaga Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat (Lp2m) Banjarmasin. Indonesia.
- Zulkarnain Haron. 2015. Fundamentalists and The Utopia of A Daulah Islamiyyah/Khilafah Islamiyyah. *Journal of Defence and Security* 6(1): 11-29
- Zulkarnain Haron. 2015. *Mengapa Anggota Tentera dilarang Menyertai IS*. <http://btmonline.net/2015/12/mengapa-anggota-tentera-dilarang-menyertai> [Diakses 15 Februari 2017].
- Zul'Azmi Yaakob & Ahmad Sunawari Long. 2015. Terorisme sebagai cabaran ideologi Muslim masa kini: Satu analisis dari perspektif falsafah. *International Journal of Islamic Thought* 7(6): 58-63.

Siti Naqiyah Mansor
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
Email: ct_naqi@yahoo.com

Salasiah Hanin Hamjah
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
Email: salhanin@ukm.edu.my

Izzah Nur Aida Zur Raffar
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
Email: izzahmujahidah@yahoo.com

